

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 FEBRUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29

KDNK 2022 dijangka 8.5 peratus

KDNK 2022 dijangka 8.5 peratus

Dipacu perbelanjaan pengguna dan prestasi perdagangan yang positif

KUALA LUMPUR

RHB Investment Bank Bhd menyemak unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi 2022 kepada 8.5 peratus daripada 8.0 peratus susulan data perbelanjaan pengguna dan prestasi perdagangan yang lebih positif berbanding jangkaan awal.

Dalam nota tinjauannya, bank pelabur itu turut mengunjurkan bahawa KDNK berkembang sebanyak 6.0 peratus tahun ke tahun pada suku keempat 2022 berbanding anggaran konsensus Bloomberg


sebanyak 7.0 peratus dan 14.2 peratus pada suku sebelumnya.

Selain itu, RHB turut menaikkan unjuran pertumbuhan penggunaan swasta kepada 12.2 peratus daripada 10.7 peratus, manakala unjuran eksport bersih kepada -13.8 peratus berbanding -18.1 peratus sebelum ini.

RHB juga menyifatkan perbelanjaan pengguna disokong baik oleh keadaan pasaran buruh yang berdaya tahan dan peningkatan permintaan yang dipacu oleh kelonggaran sekatan Covid-19, selain impak dasar monetari dan fiskal sebelum ini.

"Tanpa mengambil kira keterlempaban dalam sektor pembuatan, aspek seperti keadaan pasaran tenaga kerja sebaliknya disokong dengan baik oleh sektor perkhidmatan yang memberangsangkan.

"Bagi sektor perkhidmatan misalnya, industri berkaitan pelancongan memaparkan per-



Perkembangan subsektor penginapan, pengangkutan dan penyimpanan, selain makanan serta minuman telah menyumbang kepada pertumbuhan positif ekonomi domestik.

tumbuhan lebih baik yang didorong oleh pengembangan subsektor penginapan, pengangkutan dan penyimpanan, se-

lain makanan dan minuman," katanya dalam satu nota penyelidikan pada Selasa.

Bagi 2023, RHB mengan-

kan unjuran pertumbuhan KDNK kepada 4.5 peratus berbanding anggaran konsensus Bloomberg sebanyak 4.0 peratus.

"Unjuran kami bagi 2023 kekal optimis namun berhati-hati, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan. Penggunaan sektor swasta juga dijangka kekal sebagai enjin atau penggerak utama pertumbuhan ekonomi tahun ini."

"Bagaimanapun, cabaran luaran dan di peringkat domestik dijangka terus mempengaruhi ekonomi terutama bagi tempoh separuh pertama 2023," kata-

nya. *[wzsn]*

Diperingkat luaran, RHB menjangkakan pertumbuhan ekonomi-ekonomi utama yang perlahan berkemungkinan besar menjelaskan prestasi perdagangan Malaysia, manakala isu dalaman pula berkaitan ruang fiskal terhad, peningkatan kos sara hidup serta kekurangan tenaga kerja. *-Bernama*